

**SURAT PEKELILING BERSAMA
TRANSFORMASI DAN INOVASI PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK
BILANGAN 1 TAHUN 2025**

KEPADA: Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Sarawak/Persekutuan
Semua Ketua Agensi Sarawak/Persekutuan
Semua Residen Bahagian
Semua Ketua Badan Berkanun Sarawak/Persekutuan
Semua Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan

PERKARA: KETETAPAN BAHARU INISIATIF TRANSFORMASI DAN INOVASI PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK BAGI ANUGERAH KUALITI PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK (AKPANS)

RUJ.KAMI: JPS/STIU/2000-2/2/1.02 JLD.2 (82) **TARIKH:** 8 April 2025

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Bersama ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai struktur baharu AKPANS dan menggalakkan penyertaan menyeluruh dari semua agensi dalam usaha mempertingkatkan tadbir urus serta kualiti penyampaian perkhidmatan awam di Sarawak.

2.0 PENGENALAN

2.1 Kerajaan Sarawak sentiasa berusaha memperkasa kecekapan pentadbiran melalui penilaian komprehensif terhadap sistem tadbir urus agensi. Sejak diperkenalkan pada tahun 2010, AKPANS telah menjadi platform penting untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada agensi yang cemerlang dalam mengurus sumber, kepimpinan serta penyampaian perkhidmatan.

- 2.2 AKPANS mengutamakan keberkesanan pentadbiran, amalan organisasi terbaik dan kepatuhan terhadap dasar Kerajaan. Pengiktirafan ini bertujuan memperkukuh kredibiliti dan daya saing setiap agensi dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dengan cemerlang.

3.0 KETETAPAN BAHARU

3.1 Pelaksanaan AKPANS

3.1.1 Inisiatif ini akan dilaksanakan secara **dwitahunan** bermula **tahun 2025** untuk memperkukuhkan kemajuan perkhidmatan awam yang lebih efektif.

3.1.2 Adalah dimaklumkan bahawa penyertaan AKPANS ini **DIWAJIBKAN** untuk semua agensi di Sarawak yang terbahagi kepada **dua (2) kluster** seperti berikut:

- (a) Kluster Perkhidmatan Awam Sarawak
- (b) Kluster Agensi Persekutuan Sarawak

3.2 Kategori AKPANS

Berdasarkan kedua-dua kluster tersebut, kategori-kategori AKPANS yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut:

3.2.1 Kluster Perkhidmatan Awam Sarawak

- (a) Kementerian
- (b) Jabatan

- (c) Agensi/Unit Jabatan Premier Sarawak
- (d) Pentadbiran Bahagian (Pejabat Residen dan Daerah)
- (e) Pihak Berkuasa Tempatan
- (f) Badan Berkanun Sarawak

3.2.2 Kluster Agensi Persekutuan Sarawak

- (a) Jabatan/Agensi Persekutuan
- (b) Badan Berkanun Persekutuan

4.0 IMPAK DAN HARAPAN

Inisiatif ini diharap dapat memacu transformasi perkhidmatan awam ke arah pencapaian yang lebih mampan sejajar dengan matlamat Pelan Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2030. Ia akan memperkukuhkan integriti, akauntabiliti dan kepercayaan rakyat terhadap perkhidmatan awam.

5.0 TANGGUNGJAWAB KETUA AGENSI

Ketua Agensi bertanggungjawab untuk:

- a) Memastikan pematuhan terhadap garis panduan yang ditetapkan.
- b) Menjalankan sesi penerangan untuk meningkatkan pemahaman terhadap AKPANS di agensi masing-masing.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan dan terpakai hingga dibatalkan.

Sekian.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



**(DATUK AMAR HAJI MOHAMAD ABU
BAKAR BIN MARZUKI)**

Setiausaha Kerajaan Sarawak



**(DATO AHMAD NADZRI
BIN MOHD HASSAN)**

Setiausaha Persekutuan Sarawak